

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Monday, May 8, 2017 2:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub
Subject: HEP ONLINE: UUM LAYAK KE PERLAWANAN AKHIR LIGA VETERAN KUBANG PASU 2017



8 MEI 2017, ISNIN | 11 SYAABAN 1438H

HEP Online

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR | STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT



Diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Media & Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

HEP ONLINE: Pasukan Veteran Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melayakkan diri ke perlawanan akhir Liga Bola Sepak Veteran Kubang Pasu apabila mengalahkan pasukan Pendang FC

2-1 pada perlawanan separuh akhir yang berlangsung di padang Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) pada hari Sabtu yang lalu.

Pada perlawanan akhir yang dijadualkan berlangsung pada hari Sabtu, 20 Mei 2017 di Mini Stadium Jitra, pasukan Veteran UUM akan bertemu pasukan Veteran Kubang Pasu yang juga mengalahkan pasukan PDRM 2-1 di peringkat separuh akhir. Terdahulu di peringkat suku akhir, pasukan Veteran UUM telah mengalahkan pasukan SADA FC dengan kedudukan 2-0.

Semua warga UUM adalah dijemput untuk menyaksikan perlawanan akhir tersebut. Diharapkan kehadiran penyokong UUM akan dapat meningkatkan semangat dan memberi dorongan kepada pasukan Veteran UUM untuk beraksi pada tahap terbaik bagi memastikan kejayaan UUM menjuarai Liga Bola Sepak Veteran Kubang Pasu.

Pemain: Abdul Aziz Saad, Abdul Wahab Din, Anuar Fitri Abd Malek, Aswadi Md Tayib, Azhar Anis Mohammad, Azlishah Abidin, Fauzi Izzat Fazil, Halim Md. Yatim, Ibrahim Talib, Mohd Azizul Helmi Hj. Baharudin, Mohd Desa Saad, Mohd Lukmanuddin Abu Hassan, Mohd Nasiruddin Abu Ghani, Mohd Nazri Mat Yahya, Mohd Shukri Ramli, Mohd Talmizi Mat Daud, Mohd Yazid Shapiee, Norhaizan Ab. Rahman, Rusdi Abd. Jalil, Shuhaimi Ahmad, Wan Izham Wan Abu, Wan Jaafar Wan Man dan Wan Suhaimi Wan Mansor.

Pegawai: Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Othman Puteh, Megat Yusni Omar, Basri Lazim dan Mohamad Sayazi Abdul Mutalib.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.